

Pembahagian kerusi BN dikekalkan

UM 13 APR 1990

Oleh
Razak Rashid Ghows

KUALA LUMPUR 12 April — Mesyuarat Khas Barisan Nasional hari ini mengambil keputusan menghidupkan semula jenteranya di setiap peringkat — menandakan bermulanya persiapan rasmi parti memerintah menghadapi pilihanraya umum.

Ia terus membentuk sebuah jawatankuasa khas manifesto yang dipengerusikan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba.

Mesyuarat juga memutuskan bahawa pembahagian kerusi antara parti - parti komponen kekal seperti yang ada sekarang.

Ketetapan - ketetapan yang dicapai dalam mesyuarat khas itu memperkuat spekulasi bahawa pilihanraya umum akan diadakan lebih awal, antara Jun dan Ogos tahun ini.

Serentak dengan pengumuman ini, pemimpin - pemimpin Barisan Nasional berikrar akan mengulangi kecemerlangan Perikatan dalam pilihanraya umum 1955 di mana pembangkang hanya mendapat satu kerusi.

Pengerusi Barisan Nasional, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang kelihatan riang dan yakin semasa beliau muncul dari mesyuarat itu berkata: "Kami sudah bersedia."

Sambil berseloroh, beliau menambah: "Mungkin ini akan dianggap sebagai tanda pilihanraya tidak lama lagi. Saya nak beritahu, tak lama lagi... kalau dibandingkan dengan 100 tahun, satu setengah tahun memanglah tidak lama."

Ditanya mengenai prestasi parti - parti komponen, beliau menegaskan parti - parti berkenaan yakin mereka sudah bersiap - sedia untuk menghadapi pilihanraya.

LIHAT MUKA 2

PEMBAHAGIAN KERUSI BN DI KEKAL

Dato' Sri Dr. Mahat-hir berkata bahawa selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Manifesto, Encik Ghafar akan menjemput parti-parti komponen menghantar wakil masing-masing untuk menganggotai jawatankuasa itu.

Beliau juga menerangkan bahawa Jawatankuasa Barisan Nasional di peringkat kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang merupakan sebahagian daripada jentera pilihanraya akan dihidupkan semula.

Menurutnya, langkah ini bertujuan membawa kemenangan kepada BN melalui kempen-kempen dan kerjasama di kalangan rakyat.

Dato' Sri Dr. Mahat-hir berkata parti-parti komponen juga bersejua supaya konsep Barisan Nasional dikekalkan dan kerjasama yang sedia wujud dipererat dan diperkuatkan bagi mencapai kecemerlangan dalam pilihanraya nanti.

Perdana Menteri menegaskan: "Kita bersetuju bahawa kejayaan kemerdekaan negara dan kejayaan politik Malaysia adalah kerana adanya pakatan atau kerjasama parti-parti komponen BN.

"Kita mengambil peluang ini untuk mengulangi sejarah yang dicapai oleh Perikatan semasa ia ditubuhkan pada tahun 1952. "Walaupun parti kita mewakili keturunan-keturunan lain, namun oleh kerana adanya kerjasama, kita dapat menimbang kepen-

tingan semua pihak dengan keadaan yang baik."

Ditanya kenapakah beliau menekankan soal kerjasama antara parti-parti komponen sekarang, sedangkan kerjasama itu sudah sememangnya wujud, Perdana Menteri berkata kerjasama memang ada, tetapi jenteranya tidak hidup.

"Tujuan saya adalah untuk menghidupkan semula jentera tersebut," tegas beliau yang juga Presiden UMNO.

Dato' Sri Dr. Mahat-hir juga mengemukakan kerjasama yang nyata antara parti-parti komponen Barisan Nasional terutamanya di Pulau Pinang di mana MCA dan Gerakan telah membuat kenyataan untuk bekerjasama rapat.

"Ini satu kenyataan yang disambut baik oleh semua komponen," tegas beliau.

Menurut Perdana Menteri, pihak pembangkang sebenarnya

tidak mempunyai banyak isu yang boleh digunakan dalam pilihanraya ini.

"Kalau adapun, ia adalah ciptaan mereka sendiri dan kita berpendapat kita boleh menangkis segala isu yang ditimbulkannya," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahat-hir juga mengisytiharkan bahawa tidak ada sebarang perubahan yang akan dilakukan dalam pembahagian kerusi dan parti-parti komponen Barisan Nasional akan berpegang pada nisbahnya yang lama.

Perdana Menteri juga mengesahkan bahawa USNO telah membuat permohonan untuk menggunakan lambangnya sendiri dalam pilihanraya ini.

Katanya, tidak ada keputusan yang dibuat tentang perkara itu dan kedua-dua parti berkenaan, USNO dan PBS dikehendaki mengkaji semula cadangan tersebut.